



Ya Allah !! Limpahkanlah taufik dan hidayah, ilmu yang bermanfaat, rezeki yang diberkati, kesihatan yang sempurna, hidup dalam Islam dan mati dalam iman kepada kami dan kepada sesiapa yang terlibat dalam usaha penerbitan RISALAH ini. Amin ! Ya Rabbal Alamin !!

## TAKUT KEPADA ALLAH

Oleh: Ustaz Safwan Fathy (Penerima Anugerah Imam al-Ghazali Negeri Selangor)

Sifat takut merupakan benteng bagi orang-orang yang beriman dan menghampirkan lagi seseorang hamba itu kepada Tuhannya. Apabila lahirnya sifat takut dalam hati seseorang hamba itu, ianya akan menjadi benteng dari terpuakau dengan segala tipu daya Dunia dan berbagai bentuk kemungkaran yang datang.

Manusia yang punyai sifat takut didalam hatinya berbeza dengan mereka yang tidak merasainya. Perasaan takut inilah menjadi penyelamat bagi orang-orang yang beriman daripada hanyut melakukan maksiat. Kerana mereka meyakini akan benarnya janji Allah SWT tentang terdapatnya Hari Perhitungan, pembalasan Syurga atau Neraka. Mereka tahu akan tiap perbuatan, tutur bicara dan semuanya sentiasa dicatat sama oleh para Malaikat dikiri kanan.

Perlunya sentiasa rasa takut pada Allah SWT. Bukan pada manusia, bomoh, syaitan2 dan segala perkara yang menyirikkan ini. Telah dijelaskan di dalam Kitab (Al-Mustakhlos fi Tazkiyatul Anfus) Karangan "as-Syeikh Said Hawa". Takut ini dibahagikan pada 2 Maqam.

1. Firman Allah SWT : *"Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diriNya (menyiksa kamu). Dan kepada Allah jumlah tempat kembali."* (A-li 'Imraan 28)

**"Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu".**

Yang pertama : Takut yang semua orang merasainya. Ianya terhasil dari Keimanan, Kepercayaan akan pastinya tentang Azab Kubur, Hari pembalasan, Syurga dan Neraka. Tiap manusia bila dipersoalkan, digambarkan tentang dasyatnya azab Neraka kelak sudah pasti hadirnya rasa takut, bimbang memikirkannya. Namun dikala datang ujian nafsu keduniaan, takut tersebut tidak mampu menyelamatkannya. Kelalaian, Kelemahan Iman melupakan tentang peritnya Azab Neraka kelak. Kelalaian, Kelemahan Iman melupakan akan besarnya Nikmat Syurga tersebut.

2. Firman Allah SWT : *"Sebenarnya yang menaruh bimbang*

*dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu".* (Faatir 28)

Yang kedua : Takut yang sebahagian kita sahaja merasainya. Ianya terhasil jua dari Keimanan, Kepercayaan akan pastinya tentang Azab kubur, Hari pembalasan, Syurga dan Neraka. Namun bukan kerana hanya memikirkan tentang benarnya janji tersebut, tapi kerana hatinya yang sudah terpaut dengan kecintaan yang mendalam pada Allah dan Rasulnya. Hidupnya sentiasa sibuk dikorbankan dengan mendalami Ilmu Allah swt. Sentiasa sibuk mengajak manusia supaya hidup disaksikan sama kehendak Allah dan Rasulnya. Diserahkan, digantungkan seluruh Hidupnya pada Allah SWT. Kecintaan pada Allah dan Rasulnya sudah cukup merasa nikmat akan hidup ini.

### BERSAMA PAK IMAM



**PERINGATAN : Setelah dibaca, sila SIMPAN. JANGAN disepah-sepahkan !!**

Risalah ini Ole-ole keluarga di rumah, demi memantapkan Iman dan meluaskan ilmu Islam - Editor

Diterbitkan oleh Persekutuan Seruan Islam (Jamiyah) Selangor dan Wilayah Persekutuan, Darul Jamiyah No. 25 Lot 2013, Jalan Rahmat off Jalan Ipoh, 50350 Kuala Lumpur, dengan kerjasama Akademi Islam Jamiyah Shah Alam. Penasihat merangkap YDP Jamiyah : Hj. Ismail Basri. Nota : Cetakan terhad. Anda digalakkan membuat fotokopi dan menyebarkannya kepada yang lain. Usaha anda diberkati Allah, insyaa-Allah!! Risalah ini boleh dilayari di laman web : [www.jamiyah.org.my](http://www.jamiyah.org.my)

## CINCIN DENGAN KALIMAH ALLAH

**Soalan :**

**Adakah dibolehkan mengikut hukum syarak membuat ukiran kalimah Allah (dengan huruf Arab) pada cincin?**

**Jawapan :**

Ya, membuat ukiran kalimah Allah (huruf Arab) pada cincin adalah diharuskan. (Sila rujuk *Bahr al-Mazi*: Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, juzuk 12, halaman 127).

**Soalan :**

**Adakah cincin yang berukir kalimah Allah wajib ditanggalkan oleh si pemakainya ketika masuk ke dalam tandas?**

**Jawapan :**

Cincin itu wajib ditanggalkan oleh pemakainya ketika dia masuk ke dalam tandas. (Sila rujuk *Bahr al-Mazi*: Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, juzuk 12, halaman 127).

**Soalan :**

**Bolehkah lelaki memakai baju berwarna emas dan memakai kain yang ada benang emas ?**

**Jawapan :**

,Boleh berbuat demikian kerana ia bukan emas tetapi warna sahaja

**Soalan :**

**Halalkah jika saya inginkan isteri saya mewarnakan rambut dan mempunyai tatu kecil ?**

**Jawapan:**

Merujuk kepada soalan anda, mewarnakan rambut dengan inai adalah diharuskan kepada wanita. Manakala dengan bahan pewarna yang tidak telap air, maka ia adalah dilarang. Tatu adalah satu perbuatan yang dilarang oleh agama. Walaupun tatu yang ingin dibuat adalah bentuk



kecil, ia adalah tetap perkara yang haram. Ini berdasarkan kepada Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: Daripada Ibnu Umar R.A, sesungguhnya Rasulullah S.A.W bersabda “ Allah melaknat perempuan yang menyambung rambut dan minta disambungkan rambutnya, perempuan yang membuat tatu dan yang meminta dibuat tatu.” (Riwayat al-Bukhari). Wallahua'lam.

**Soalan :**

**Wajib kah bersetubuh pada malam pertama ?**

**Jawapan:**

Melakukan persetubuhan pada malam pertama adalah bukan wajib. Ia bergantung kepada toleransi antara pasangan untuk melakukannya. Haram melakukan persetubuhan pada malam pertama jika sekiranya isteri datang haid. Wallahua'lam

**Soalan :**

Saya berminat untuk menjalankan bisnis berkaitan dengan kucing iaitu membuka kedai kucing yg mana antara aktiviti nya adalah pembelian dan penjualan kepada peminat haiwan tersebut. Tetapi baru-baru ini seorang kawan saya mengatakan perniagaan yg menggunakan haiwan ini untuk tujuan mengaut keuntungan adalah salah disisi Islam (terutama penjualan kucing). Sila jawab kemuskilan saya ini, apakah hukumnya?



**Jawapan :**

Hukum Menjual kucing dan seumpamanya untuk tujuan peliharaan adalah harus dan pendapatannya halal. ~ Wallahua'lam

**UMRAH  
2015**

HARGA DARI  
**RM4990**

**012-398 3350**

**TERAM TRAVEL**  
**SHAH ALAM**

Lot 1-23 Bangunan Anggerik Mall  
Sek 14 Shah Alam. **03-55183350**

Penerbangan terus ke Jeddah.  
Buku Panduan serta kursus Umrah  
**PERCUMA.**  
Mutawif disediakan dari Malaysia

# PERBUALAN ANTARA RASULULLAH S.A.W DENGAN IBLIS

**T**elah diceritakan bahawa Allah SWT telah menyuruh Iblis laknatullah datang kepada Nabi Muhammad SAW agar menjawab segala pertanyaan yang baginda tanyakan padanya. Pada suatu hari Iblis laknatullah pun datang kepada Baginda SAW dengan menyerupai orang tua yang baik lagi bersih, sedang ditangannya memegang tongkat.

Bertanya Rasulullah SAW, "Siapakah kamu ini ?"

Orang tua itu menjawab, "Aku adalah Iblis."

"Apa maksud kamu datang berjumpa aku ?"

Orang tua itu menjawab, "Allah menyuruhku datang kepadamu agar kau bertanyakan kepadaku."

Baginda Rasulullah SAW lalu bertanya, "Hai Iblis, berapa banyakkah musuhmu dari kalangan umat-umatku ?"

Iblis menjawab, "Lima belas."

1. Engkau sendiri hai Muhammad.
2. Imam dan pemimpin yang adil.
3. Orang kaya yang merendah diri.
4. Pedagang yang jujur dan amanah.
5. Orang alim yang mengerjakan solat dengan khusyuk.
6. Orang Mukmin yang memberi nasihat.

7. Orang yang Mukmin yang berkasih-sayang.

8. Orang yang tetap dan cepat bertaubat.

9. Orang yang menjauhkan diri dari segala yang haram.

10. Orang Mukmin yang selalu dalam keadaan suci.

11. Orang Mukmin yang banyak bersedekah dan berderma.

12. Orang Mukmin yang baik budi dan akhlakunya.

***hendaklah kita  
selalu berhati-  
hati jangan  
sampai kita  
menjadi kawan  
Iblis laknatullah***

13. Orang Mukmin yang bermanfaat kepada orang.

14. Orang yang hafal al-Quran serta selalu membacanya.

15. Orang yang berdiri melakukan solat di waktu malam sedang orang-orang lain semuanya tidur.

Kemudian Rasulullah SAW bertanya lagi, "Berapa banyakkah temanmu di kalangan umatku ?"

Jawab Iblis laknatullah, "Sepuluh golongan :-"

1. Hakim yang tidak adil.
  2. Orang kaya yang sombong.
  3. Pedagang yang khianat.
  4. Orang pemabuk/peminum arak.
  5. Orang yang memutuskan tali persaudaraan.
  6. Pemilik harta riba'.
  7. Pemakan harta anak yatim.
  8. Orang yang selalu lengah dalam mengerjakan solat / sering meninggalkan solat.
  9. Orang yang enggan memberikan zakat/kedekut.
  10. Orang yang selalu berangan-angan dan khayal dengan tidak ada faedah.
- Mereka semua itu adalah sahabat-sahabatku yang setia."

Itulah di antara perbualan Nabi dan Iblis laknatullah. Sememangnya kita maklum bahawa sesungguhnya Iblis laknatullah itu adalah musuh Allah s.w.t. dan manusia. Dari itu hendaklah kita selalu berhati-hati jangan sampai kita menjadi kawan iblis laknatullah, kerana sesiapa yang menjadi kawan iblis laknatullah bermakna menjadi musuh Allah s.w.t.. Demikianlah sebaliknya, sesiapa yang menjadi musuh iblis laknatullah bererti menjadi kawan kekasih Allah s.w.t..

## KATA HIKMAT

Membazir itu amalan syaitan

## MAKSUD

Membazir adalah perbuatan keji dan merugikan diri sendiri.



# SIAPAKAH KITA ?

**S**iapakah orang yang sibuk?  
Orang yang sibuk adalah orang yang tidak mengambil berat akan waktu solatnya seolah-olah ia mempunyai kerajaan seperti kerajaan Nabi Sulaiman a.s

Siapakah orang yang manis senyumnya?

Orang yang mempunyai senyuman yang manis adalah orang yang ditimpa musibah lalu dia kata "Inna lillahi w ain na illaihi rajiun." Lalu sambil berkata, "Ya Rabbi Aku redha dengan ketentuanMu ini", sambil mengukir senyuman.

Siapakah orang yang kaya?

Orang yang kaya adalah orang yang bersyukur dengan apa yang ada dan tidak lupa akan kenikmatan dunia yang sementara ini.

Siapakah orang yang miskin?

Orang yang miskin adalah orang tidak puas dengan nikmat yang ada sentiasa menumpuk-numpukkan harta.

**Orang yang rugi adalah orang yang sudah sampai usia pertengahan namun masih berat untuk melakukan ibadat dan amal-amal kebaikan...**

Siapakah orang yang rugi?

Orang yang rugi adalah orang yang sudah sampai usia pertengahan namun masih berat untuk melakukan ibadat dan amal-amal kebaikan...

Siapakah orang yang paling cantik?

Orang yang paling cantik adalah orang yang mempunyai akhlak yang baik.

Siapakah orang yang mempunyai rumah yang paling luas?

Orang yang mempunyai rumah yang



paling luas adalah orang yang mati membawa amal-amal kebaikan di mana kuburnya akan di perluaskan saujana mata memandang.

Siapakah orang yang mempunyai rumah yang sempit lagi dihimpit?

Orang yang mempunyai rumah yang sempit adalah orang yang mati tidak membawa amal-amal kebaikan lalu kuburnya menghimpitnya...

Siapakah orang yang mempunyai akal?

Orang yang mempunyai akal adalah orang-orang yang menghuni syurga kelak kerana telah menggunakan akal sewaktu di dunia untuk menghindari siksa neraka..

## 10 PERKARA LAGHA

Sufyan ats-Tsauri, seorang ulama hadis yang terkemuka, menyatakan bahawa ada sepuluh hal yang termasuk dalam kategori sia-sia, iaitu:-

1. Laki-laki atau wanita yang berdoa untuk dirinya sendiri, tapi tidak dimohonkannya doa untuk ibu-bapanya sendiri dan kaum Muslimin.

2. Orang yang kerap kali membaca Al Quran, tapi tidak membaca secara tertib sampai seratus ayat tiap-tiap hari.

3. Laki-laki yang masuk ke dalam masjid, kemudian ia keluar kembali dari masjid itu tanpa mengerjakan solat tahiyatul-masjid.

4. Orang-orang yang melewati tanah perkuburan, tapi tidak mengucapkan salam kepada penghuni-penghuni kubur dan tidak mendoakan untuk keselamatan arwah-arwah mereka.

5. Laki-laki yang masuk pada hari Jumaat ke suatu kota, kemudian ia keluar lagi dari kota itu tanpa mengerjakan shalat Jumaat berjemaah.

6. Laki-laki atau wanita yang tinggal di suatu lingkungan dengan seorang ulama, tapi dia tidak mempergunakan kesempatan itu untuk menambah ilmu pengetahuan.

7. Dua orang laki-laki yang bersahabat, tapi mereka tidak saling menanyakan tentang keadaan masing-masing dan keluarganya.

8. Laki-laki yang mengundang seseorang menjadi tetamunya, tapi tidak diacuhkan dan tidak dilayani tetamunya itu.

9. Pemuda yang menjadikan zaman mudanya berlalu begitu saja tanpa memanfaatkan waktu yang berharga itu untuk menuntut ilmu dan meningkatkan budi pekerti.

10. Orang yang tidak menyedari tetangganya yang merintih lantaran kelaparan, sedang ia sendiri makan kekenyangan di dalam rumahnya.